



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2015

**KELULUSAN LAWATAN RASMI KE LUAR NEGARA BAGI
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN/KETUA PERKHIDMATAN/
KETUA JABATAN PERSEKUTUAN/KETUA EKSEKUTIF BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
28 JANUARI 2015**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Perkhidmatan

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menyeragamkan kelulusan permohonan ke luar negara atas urusan rasmi oleh penjawat awam.

LATARBELAKANG

2. Pekeliling Perbendaharaan Bil 9, Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 3/1 Tahun 2013 telah dikeluarkan mengenai kawalan perbelanjaan awam termasuk kelulusan permohonan lawatan rasmi ke luar negara oleh penjawat awam.

3. Dalam memastikan lawatan rasmi penjawat awam ke luar negara berdasarkan kepada kepentingan negara dan perkhidmatan awam serta mematuhi prinsip nilai untuk wang (value for money), Jemaah Menteri telah bersetuju untuk mengetatkan peraturan lawatan kerja penjawat awam ke luar negara.

KELULUSAN PERMOHONAN LAWATAN RASMI KE LUAR NEGARA

4. Sehubungan dengan itu, permohonan kelulusan lawatan rasmi ke luar negara bagi Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Eksekutif Badan-Badan Berkanun Persekutuan hendaklah diperolehi daripada Ketua Setiausaha Negara dan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil 9. Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 3/1 Tahun 2013.

5. Permohonan kelulusan ke luar negara hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 2 minggu dari tarikh perjalanan dan disertakan dengan perincian sebab lawatan diperlukan, anggaran perbelanjaan dan jumlah anggota delegasi.

6. Lawatan rasmi ke luar negara daripada segi pematuhan kepada prosedur kewangan dan kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada pemeriksaan audit oleh Ketua Audit Negara dari semasa ke semasa.

TARIKH KUATKUASA

7. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2015 sehingga ia dibatalkan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(Tan Sri Dr Ali Hamsa)
Ketua Setiausaha Negara